

<sup>2</sup> Yang mereka maksudkan adalah pengajaran dan pengetahuan agama itu sebagai sebahagian kurikulum sekolah rendah, menengah dan intiuisi pengajian tinggi. Misalnya yang paling jelas dalam hal ini adalah buku yang di tulis dalam mata pelajaran ini. Lihat, misalnya, Mohd Saleh Samak, *Fan al-Tadrīs Lillughah al-‘Arabiyah wa al-Tarbiyah al-Diniyah* (Ilmu pengajaran bahasa Arab dan pendidikan Agama), Cairo ; Maktabah Anglo-al-Masriyah, 1969.

<sup>3</sup> IAIN adalah singkatan dari Institut Agama Islam Negeri, suatu intitusi pengajian Islam Tinggi yang khusus mengajar pengetahuan Islam di mana ada fakulti Shariah

<sup>4</sup> Allahyarham Malik bin Nabi, pemikir al-Jazair yang terkenal kerana banyak menulis mengenai kebangkitan dan jatuhnya suatu tamadun. Beliau banyak menganalisa mengenai Ibn Khaldun mengenai bukunya *Shurūt al-Nahdah*. Buku-bukunya yang lain adalah *Commonwealth Islami*, *Muzakkirat Shakhizul Qarn*, dan lain-lain lagi. Pendeknya seluruh karangan itu diwarnai oleh analisis tentang munculnya dan jatuhnya suatu tamadun.

<sup>5</sup> Ketika negara-negara maju sedang rancak menekankan *pertumbuhan* sebagai tolok ukur pembangunan, banyak penulis menyatakan bahawa pertanian tidak sesuai dengan fesyen pembangunan yang sedang berlaku, kerana tidak dapat memberi sumbangan bermakna pada *income per capita* suatu bangsa. Mereka lebih tertarik pada *perindustrian* dan *perdagangan* agar kadar pertumbuhan yang tinggi dapat dikekalkan. Tetapi krisis mata wang yang melanda negara-negara Asia kebelakangan ini membuktikan betapa salahnya anggapan serupa itu. Kerana jika hasil pertanian merosot yang menjadi asas manusia, maka walaubagaimana besarpun jumlah wang yang dimiliki, tidak memenuhi keperluan asasnya seperti makanan, minuman, gula, sayur-sayuran dan lain-lain.

<sup>6</sup> *Tazkiyah* sebenarnya bermakna perjernihan yakni mengembalikan makhluk kepada sifat semula jadi nya. Dalam hal ini, sila lihat Al-Hayy ar-Rahman Said Hawwa, *tazkiyah al-Anfus*, yang merupakan ikhtisas daripada buku karangan Hujjatul Islam al-Imam al-Ghazali, *Ihya ‘Ulum al-Din*, Kaherah: 1346 H

<sup>7</sup> *Muqarrabah* maknanya mengawasi diri supaya jangan terpesong dari tujuan asal ia diciptakan. *Musahabah* maknanya selalu mengira perbuatan dan tingkah laku yang dilakukan sama ada ia sesuai tujuan ia dengan tujuan ia dicipta atau tidak. Dengan menjalankan *Muhsabah* bermakna usaha manusia untuk melawan godaan yang boleh sesorang melakukan perbuatan yang bertentangan dengan sifat semula jadi, yang pada gilirannya menghindarkan manusia dari kehancuran dan kebinasaan atau lebih spesifik lagi dari penyakit-penyakit jasmani, mental dan rohani. Ini dapat kita baca dalam karangan al-Ghazali di atas yang diringkaskan oleh Allahyarham Said Hawwa di dalam buku *Tazkiyah al-Anfus*. Lihat juga karangan kita kaedah-kaedah kaunseling dan implikasinya dalam Dakwah di dalam buku kita: *Pendidikan Islam dan Peraihan Paradigma Shah Alam*: Pustaka Hizbi, 1995. Manakala Mu’atibah adalah selau mencecah diri kerana tidak mengerjakan amal soleh yang sepatutnya dibuat dalam mengerjakan kejahatan yang sepatutnya dihindari. Inipun dapat dibaca di dalam buku yang disebutkan di atas.

Mohd Sahari Nordin dan Rosnani Hashim

#### Abstract

*The importance of co-curricular activities with respect to meeting the goal of an educational institution has been a debatable issue. However, increasingly more studies have been conducted to investigate the matter. This study is one of such nature. It examines from students teachers perception, the effectiveness of major co-curricular activities in the Diploma of Education Programme’s philosophy and objectives. The subjects of the study were student teachers from the 1994/95 academic session. The study employed a survey method using questionnaires and interviews. The results indicate that more than 90% of the respondents felt the halqah (study circle) as effective in increasing their knowledge of Islam, in strengthening the Islamic brotherhood (ukhuwwah) and in providing an arena for exchange of ideas. They also felt strongly (about 80%) that it has helped them to work together collectively ('amal jama'iy) and raise their awareness on current issues. Similarly, the student teachers felt that the ta'aruf (students' orientation) programme was effective in introducing them to the Diploma of Education Programme, its philosophy and objectives, awareness of their mission, strengthening the Islamic brotherhood and increasing their understanding of Islam.*

#### PENDAHULUAN

Program pendidikan guru di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mula dirancangkan dan dilaksanakan pada tahun 1987 menerusi penubuhan Jabatan Pendidikan yang menawarkan kursus diploma pendidikan kepada bakal guru sekolah menengah. Selaras dengan matlamat pembentukan UIAM, objektif penubuhan program pendidikan guru ini adalah berturut-turut menciptakan falsafah ilmu dan pendidikan Islam seperti yang diperakukan dalam Persidangan Pendidikan Islam yang Pertama

dan kurikulum dilihat daripada segi potensinya menyumbang kepada falsafah dan matlamat pendidikan Islam. Berlandaskan doktrin Tawhid, kursus-kursus, latihan amali, dan kegiatan-kegiatan guru pelatih diserapkan dengan unsur-unsur yang cocok dengan pandangan Islam. Seterusnya, proses-proses pengukuran dan penilaian, termasuk yang tidak rasmi, diadakan secara berterusan ke atas aktiviti-aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

- menyerahkan sepenuhnya kepada kehendak Allah dalam semua aspek hidup, kesungguhan mengikuti petunjuk Allah dalam semua aspek hidup, menguasai pengetahuan yang cukup tentang konsep dan prinsip pendidikan Islam,
- berpengetahuan dalam prinsip dan amalan pendidikan semasa serta pandangan Islam tentang prinsip dan amalan pendidikan,
- mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan berbagai-bagi prinsip, teknik, dan teknologi dalam proses mengajar/mata pelajaran pengkhususan di peringkat sekolah menengah,
- mempunyai iltizam dan persediaan yang cukup daripada segi intelek, emosi, dan rohani bagi menyemai nilai-nilai Islam di kalangan anak didik masing-masing.

(Jabatan Pendidikan UIAM(1996/97, ms. 8)

Jelas bahawa program pendidikan guru di UIAM menjurus ke arah usaha membangunkan potensi bakal pendidik secara menyeluruh dan seimbang dengan mencakup dimensi-dimensi jasmani, intelek, sikap, emosi, dan rohani. Sesungguhnya langkah ini dipercayai berupaya mewujudkan kesepaduan antara iman dan ilmu, jasad dan roh, fikiran dan hati, dunia dan akhirat, dan akal dan Wahyu (Al Syaibani, 1979; Mohd Kamal Hassan, 1988). Yang demikian itu adalah penting oleh sebab sejarah membuktikan bahawa kejayaan golongan pendidik menterjemahkan makna kesepaduan unsur-unsur insan dalam amalan mampu menangani cabaran ilmu dan sekali gus membina tamadun yang cemerlang. Sebaliknya pula, kegagalan pendidik memikul tanggungjawab ini berkesudahan dengan kejatuhan tamadun berkenaan (Hassan Langgulung, 1980).

Untuk mendekati matlamat murni ini, Jabatan Pendidikan memilih untuk menerapkan strategi pembinaan, pelaksanaan, dan penilaian program pendidikan guru yang bersepadu. Pengubahan setiap kegiatan kurikulum

## TUJUAN KAJIAN

Rencana ini melaporkan sebahagian daripada proses menilai keberkesanannya program diploma pendidikan UIAM (Rosnani Hashim, 1997). Pembentangan ini memperihalkan satu daripada usaha menguji tahap pencapaian program tersebut. Lebih tepat lagi, kajian ini ditumpukan kepada penilaian oleh guru pelatih UIAM ke atas aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan UIAM. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi mereka terhadap pencapaian kegiatan-kegiatan *halaqah* dan *ta'aruf*.

*Halaqah* dicernakan sebagai satu kumpulan kecil orang-orang yang beriman yang bergiat bekerjasama mempelajari, memahami, dan mengamalkan ajaran Islam. Dalam konteks pendidikan guru di UIAM, guru pelatih dibbahagi kepada kumpulan-kumpulan kecil yang setiap satunya terdiri daripada lebih kurang 10 orang. Setiap kumpulan pengajian diketuai oleh naqib dan naqibah yang terdiri daripada guru pelatih yang berkelulusan dalam bidang pengajian Islam dan diselia oleh seorang penasihat yang dilantik daripada kalangan pensyarah. Garis panduan dan bahan pengajian diselarasakan untuk semua kumpulan dan kandungannya meliputi berbagai-bagai bidang, termasuk al-Quran, Hadith, Seerah, aqidah, syariah, akhlak, dakwah, isu-isu semasa, dan hal ehwal kebajikan ahli. Secara bengilir-gilir, setiap ahli digalakkan menyediakan dan membentangkan sesuatu topik tertentu. Setiap *halaqah* dikehendaki mengadakan pertemuan sekali seminggu sepanjang mengikut kursus dan hasil perbincangan dilaporkan secara bertulis untuk semakan penasihat.

*Ta'aruf* pula merupakan aktiviti orientasi bagi pelajar baru. Kegiatan *ta'aruf* biasanya diadakan selama tiga hari selepas guru pelatih mendaftarkan diri. Menerusi aktiviti ini guru pelatih dideakahkan kepada pengetahuan tentang falsafah dan struktur program diploma pendidikan UIAM dan amalan serta latihan memupuk semangat kekitaan, hubungan silatulrahim, mematuhi peraturan, di samping latihan-latihan yang berbentuk fizikal dan kerohanian.

Perlu juga disentuh di sini bahawa wujudnya minat yang berterusan di kalangan pendidik dan penyelidik terhadap keberkesanan program-program pendidikan guru. Terdapat sekian banyak kajian yang melaporkan aspek perancangan, pelaksanaan, dan penilaian program-program pendidikan guru di luar negara (misalnya, Feiman-Nemar & Buchman, 1985; Guillaume & Rudney, 1993; Reynolds & Cuttance, 1992; Zeichner, Tabachnick & Densmore, 1987) dan di Malaysia (misalnya, Saba, 1983; Roblah, Khalid, Zahara, & Aminah, 1995). Namun begitu, masih kedengaran sungutan bahawa bukti-buktii empiris tentang kesan pelaksanaan program latihan guru begitu terbatas (Bennett & Carre, 1993; Zeicher & Gore, 1990). Keterbatasan pemahaman semakin nyata apabila perhatian disorotkan ke atas program pendidikan guru yang sarat nilai seperti yang diusahakan di UIAM. Sejauh ini hanya terdapat dua laporan penyelidikan yang berkaitan dengan beberapa aspek program di institusi tersebut (Noraini Hashim, 1994; Khadijah Zon, 1995). Tambahan lagi, kajian-kajian tersebut tidak menyentuh pelaksanaan aktiviti kokurikulum.

Selain wujudnya kesenjangan pemahaman tentang proses dan produk program pendidikan guru yang bersifat sarat nilai, kajian ini dianggap penting oleh sebab program diploma pendidikan di UIAM telah menjangkau usia lebih daripada 10 tahun. Oleh yang demikti, tiba masanya penilaian yang sistematis dilakukan ke atas keberkesanannya. Usaha ini dijangka berupaya menyumbang ke peningkatan mutu pendidikan guru di UIAM khususnya, dan di sini institusi pendidikan guru di negara ini amnya. Bertitik tolak dari pegangan sedemikian maka projek kecil ini dilaporkan di sini.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan semua guru pelatih program diploma pendidikan sesi 1994/95. Jadual 1 berisi maklumat tentang latar belakang responden daripada segi jantina, umur, lokasi universiti yang menganugerahkan ijazah pertama, pengalaman mengajar pra latihan, dan pengkhususan kaedah mengajar. Didapati bahawa taburan sampel dalam kajian ini hampir menyerupai sifat-sifat demografi guru pelatih sesi-sesi lain

**Jadual 1**  
**Taburan Responden Mengikut Sifat-Sifat Demografi**

Latar Belakang	█	%
Jantina		
Lelaki	157	38.6
Perempuan	250	61.4
Umur		
21 - 25 tahun	88	21.5
26 - 30 tahun	246	60.1
Lebih daripada 31 tahun	75	18.4
Universiti		
UIAM	74	18.0
Universiti Tempatan lain di Luar Negeri	141	35.2
Pra-Latihan	193	46.8
Pengajar Pra-Latihan		
Aman	95	23.0
13 tahun	121	56.6
80	19.4	
Pertama) & Bahasa Arab	238	55.0
	170	45.0

Jadual 2  
Taburan Pandangan Sampel Terhadap Pencapaian  
**Aktiviti Halaqah**

Pencapaian	Sangat Setuju & Setuju	Tiada Komen	Sangat Tidak Setuju & Tidak Setuju
Menyediakan ruang untuk bertukar tukar fikiran pandangan	93.6 (381)	3.7 (15)	2.7 (11)
Mengeratkan persaudaraan	92.7 (378)	4.7 (19)	2.7 (11)
Meningkatkan pemahaman Islam	91.4 (373)	6.4 (26)	2.2 (9)
Meningkatkan kesedaran tentang isu-isu semasa	83.3 (340)	11.8 (48)	4.9 (20)
Mengenali konsep <i>amal jama'iy</i>	83.0 (330)	11.3 (45)	5.8 (23)
Membantu menyelesaikan masalah pelajar	68.4 (279)	21.3 (87)	10.4 (42)
Mengeratkan hubungan pensyarah dan pelajar	59.3 (241)	22.7 (92)	18.0 (73)

Data untuk kajian ini diperoleh daripada dua sumber, iaitu soal selidik dan catatan temubual dengan guru pelatih. Soal selidik yang dibina untuk menilai keberkesanannya program diploma pendidikan ini mengandungi 13 perkara yang berkaitan dengan pencapaian aktiviti-aktiviti *halaqah* dan *ta'aruf*. Setiap perkara berupa satu pernyataan yang mencadangkan kesan positif daripada aktiviti-aktiviti kokurikulum berkenaan dan responden diminta menandakan tahap persetujuan masing-masing. Soal selidik tersebut diberikan kepada guru pelatih diakhir pengajaran mereka iaitu sewaktu mereka menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah dan dokumen yang siap diisi dikembalikan ke jabatan sebaik sahaja tamat latihan mengajar. Analisis ke atas respons yang diberikan oleh bekas guru pelatih menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai anggaran kebolehpercayaan yang dapat diterima, indek konsistensi dalaman bagi dimensi *halaqah* ialah .85 sementara ukuran untuk dimensi *ta'aruf* pula ialah .83. Selain itu beberapa sesi temu bual tanpa struktur dilakukan dengan bekas guru pelatih program ini bagi mendapatkan pengertian yang lebih mendalam tentang hal-hal tertentu mengenai kedua-dua kegiatan kokurikulum tersebut. Fokus penyoalan ditumpukan kepada perkara-perkara yang mempunyai ruang untuk diperbaiki atau diperkemaskakan.

#### KEPUTUSAN ANALISIS DAN PERBINCANGAN

##### Keberkesanannya Program *Halaqah*

Jadual 2 meringkaskan hasil analisis deskriptif ke atas keberkesanannya aktiviti *halaqah*. Pada amnya, sebilangan besar responden bertanggapan bahawa program ini berhasil memenuhi matlamat pelaksanaannya. Taburan responden yang “bersetuju” dan “sangat bersetuju” dengan pencapaian setiap matlamat aktiviti *halaqah* terletak di antara 59.3% hingga 93.6%. Lebih daripada 90% bekas guru pelatih yang diselidiki “bersetuju” dan “sangat bersetuju” bahawa aktiviti *halaqah* “bersetuju” dan “sangat bersetuju” bahawa aktiviti *halaqah* meningkatkan pemahaman tentang Islam, mengeratkan persaudaraan, dan menyediakan ruang untuk bertukar-tukar pendapat. Bagaimanapun, hanya 59.3% responden yang “bersetuju” dan “sangat bersetuju” bahawa aktiviti ini berhasil mengeratkan hubungan pelajar dengan pensyarah.

Temubual dengan guru pelatih menerbitkan maklumat yang lebih jelas tentang asas persepsi responden. Misalnya, seorang guru pelatih yang mengikuti pengajian ijazah pertama di sebuah negara Barat berpendapat bahawa aktiviti ini:

“Banyak memberikan fakta, maklumat, idea, dan ilmu baru serta peluang kepada kami untuk bertukar-tukar pandangan dan berdebat dengan lebih bebas dan terbuka oleh sebab tidak rasa tertekan dengan kehadiran pensyarah”.

Sebaliknya pula terdapat beberapa pandangan yang mencuba menjelaskan punca masalah kurang berjayanya aktiviti ini mengerakkan hubungan antara pensyarah dengan pelajar. Salah seorang guru pelatih menegaskan bahawa:

“Walaupun kami mempunyai seorang pensyarah berperanan sebagai penasihat, beliau jarang bersama kami sewaktu *halqah* dijalankan. Malahan terdapat penasihat yang tidak pernah mengunjungi kumpulan *halqah*nya. Tambahan lagi, saya rasa tugas kami menyediakan laporan mingguan hanyalah satu kerja yang membazirkan masa oleh sebab banyak pensyarah yang tidak membacanya”.

Namun begitu, keputusan analisis deskriptif memberikan tanda-tanda bahawa pada umumnya guru pelatih program diploma pendidikan UIAM mempunyai persepsi yang positif terhadap pencapaian matlamat matlamat kegiatan *halqah*. Penemuan ini dapat dijadikan salah satu petunjuk tentang tingkat keberkesanan aktiviti tersebut. Dengan kata lain, hasil analisis cenderung untuk menyokong jangkaan mengenai potensi aktiviti *halqah* dalam hal merubah pengetahuan, pegangan, sikap, dan amalan guru pelatih. Pandangan bekas guru pelatih ini secara tidak langsung berguna untuk mencerminkan tahap keberkesanannya proses dan matlamat pembelajaran yang menjadi sasaran program diploma pendidikan.

#### **KEBERKESANAN PROGRAM TA'ARUF**

Corak keputusan yang sama diperolehi apabila analisis dilakukan ke atas pandangan guru pelatih terhadap program *ta'aruf*. Jadual 3 meringkaskan hasil analisis ke atas persepsi responden terhadap pencapaian matlamat aktiviti tersebut. Didapati bahawa lebih daripada 80% sampel “sangat bersetuju” dan “bersetuju” bahawa matlamat aktiviti ini berjaya dihasilkan menerusi pelaksanaannya. Perlu ditegaskan bahawa lebih 90% daripada guru pelatih mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kejayaan *ta'aruf* memperkenalkan program diploma pendidikan UIAM, meningkatkan kesedaran tentang misi UIAM, memperihalkan falsafah dan objektif UIAM, dan merapatkan persaudaraan sesama Islam.

Jadual 3  
Taburan Pandangan Sampel Terhadap Pencapaian Aktiviti/Ta'aruf

Pencapaian	Sangat Setuju & Setuju	Tiada Komen	Sangat Tidak Setuju & Tidak Setuju
Memperkenalkan program diploma pendidikan	94.3 (381)	3.7 (15)	2.0 (8)
Memberi kesedaran tentang misi	93.0 (361)	6.2 (24)	0.8 (3)
Memperihalkan falsafah dan objektif	92.6 (375)	5.7 (23)	1.7 (7)
Mengeratkan persaudaraan	91.8 (359)	5.9 (23)	2.3 (9)
Meningkatkan pemahaman Islam	84.6 (341)	13.6 (55)	1.7 (7)
Memperkenalkan <i>Qiamullaili</i> , wirid dan doa	82.4 (334)	11.9 (48)	5.6 (23)

Temu bual dengan guru pelatih menemukan beberapa pandangan yang membayangkan kelemahan perancangan dan pelaksanaan aktiviti ini. Antara rungutan yang paling ketara ialah dari pada segi kesesuaian masa aktiviti ini dijalankan. Terdapat guru pelatih yang merungut bahawa mereka gagal memberi sepenuh perhatian kepada kegiatan *ta'aruf* oleh sebab pada masa yang sama mereka terpaksa mencari tempat kediaman. Di kalangan guru pelatih wanita yang telah berumah tangga pula, terdapat komen yang berbunyi:

“Saya terpaksa membahagikan masa untuk menguruskan keperluan bayi dan keperluan menghadirkan diri dalam kegiatan wajib ini. Lebih menyulitkan lagi ialah kerana pada waktu itu keluarga saya masih belum mempunyai tempat tinggal yang tetap”.

## PERSEPSI DAN LATAR BELAKANG GURU PELATIH

Kajian ini turut meninjau peluang wujudnya pertalian antara persepsi bekas guru pelatih dengan sifat-sifat demografi yang dimiliki oleh mereka. Maksudnya, satu siri analisis dilakukan untuk melihat sama ada terdapat perbedaan persepsi terhadap keberkesanannya kegiatan kegiatan *halaqah* dan *ta'aruf* di kalangan responden yang berbeza daripada segi jantina, umur, universiti yang menganugerahkan ijazah pertama, pengkhususan, dan pengalaman mengajar pra-latihan perguruan. Keputusan analisis menunjukkan bahawa tidak wujud corak respons yang jelas bagi membezakan kumpulan-kumpulan responden tersebut. Perbezaan yang wujud, jika ada, hanyalah sekadar selisih yang terlalu kecil untuk membayangkan pertalian nyata antara angkubahan angkubah tersebut dan tidak memberikan sebarang nilai praktis yang bermakna.

Keputusan analisis pertalian yang demikian itu bermakna bahawa persepsi guru pelatih terhadap kedua-dua kegiatan kurikulum tersebut adalah seakan-akan seragam. Mereka mempunyai tanggapan yang sama terhadap kegiatan-kegiatan *halaqah* dan *ta'aruf* walaupun terdapat kelainan pada sifat-sifat demografi. Dapatkan ini wajar ditafsirkan sebagai bukti menyokong keberkesanannya kegiatan *halaqah* dan *ta'aruf* menurut persepsi pelajar. Juga, penemuan ini pada asasnya turut menyokong kajian-kajian persepsi ini terdahulu (misalnya, Saha, 1983; Robiah et al., 1995) yang mendapati bahawa program/kegiatan pendidikan guru di Malaysia berpotensi merubah kebolehan mental, sikap, dan tingkah laku guru dan murid.

Persepsi positif bekas guru pelatih mungkin berakar-umbikan proses pembelajaran yang dialami oleh mereka menerusi kedua-dua kegiatan kurikulum tersebut. Hakikatnya, aktiviti-aktiviti ini merangsang berlakunya proses pembinaan ilmu. Al-Tusi mengajukan pandangan bahawa pembinaan ilmu - yang terpancar pada perubahan pengetahuan, pemikiran, sikap, dan perbuatan adalah bersyaratkan penglibatan penuh pelajar (menerusi bimbingan pengajar) dalam aspek-aspek mental, sosial, emosi, fizikal, dan rohani (Berkley, 1992). Untuk menguasai kandungan

penulisan tertentu, misalnya, beliau menegaskan bahawa "menghafal satu perkataan adalah lebih bermakna daripada sekadar mendengar bacaan satu halaman penulisan, dan memahami satu perkataan adalah lebih bererti daripada menghafal satu halaman bahan tersebut." Pandangan yang seakan-akan sama dianut bersama oleh ahli-ahli psikologi kognitif semasa (misalnya, Sternberg, 1985). Lebih jauh lagi, kegiatan-kegiatan kurikulum seperti *halaqah* dan *ta'aruf* memberikan kesempatan kepada pelajar untuk mengenal, memahami, menilai, mempraktikkan, dan membentuk sistem nilai sehingga menerbitkan sikap positif terhadap malamat-malamat program pendidikan guru khususnya.

## PENUTUP

Tujuan tinjauan yang amat sederhana ini adalah untuk berkongsikan pengalaman sedikit tentang keberkesanannya program kokurikulum di Jabatan Pendidikan UIAM. Laporan ini membentangkan penilaian ke atas keberkesanannya kegiatan-kegiatan kurikulum menurut pandangan bekas guru pelatih. Pada asasnya hasil kajian menunjukkan bahawa kegiatan-kegiatan kurikulum yang antara lainnya mempunyai matlamat kerohanian mendapat penilaian yang menggalakkan daripada kumpulan pelajar yang telah mengikutinya. Sungguhpun begitu, penemuan ini terbatas kepada pandangan guru pelatih di UIAM yang mungkin memilih institusi tersebut berdasarkan kelainan yang terdapat dalam program ini.

Akhir kata, penemuan-penemuan ini turut mengemukakan beberapa implikasi ke atas pemahaman dan amalan pendidikan di negara ini khususnya. Kajian-kajian yang lebih mendalam, termasuk yang berbentuk eksperimen dan "causal modeling" sesuai dilakukan bagi meningkatkan pemahaman tentang kegiatan-kegiatan *halaqah* dan *ta'aruf* di semua peringkat pendidikan. Kajian-kajian seumpama ini bukan sahaja berpotensi menawarkan alternatif kepada kemalapan proses pembinaan ilmu yang bermakna, tetapi juga dapat dijadikan salah satu usaha menangani kemelut sosial yang semakin membingungkan masyarakat Malaysia. Ekoran itu idea-idea, prinsip-prinsip, prosedur-prosedur, dan modul-modul konkret dapat ditawarkan kepada sistem pendidikan di negara ini sebagai langkah memenuhi hasrat menghasilkan insan yang bersepada dan seimbang.

al-Attas, S.N (1979) *Aims and objectives of Islamic education*. London : Holder & Stoughton

al-Syaibani, O. (1979). *Falsafah Pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.

Bennett, N., & Carre, C. (Eds.) (1993). *Learning on Teaching*. London: Routledge.

Berkey, J. (1992). *The Transmission of Knowledge in Medieval Cairo: A Social History of Islamic Education*. NJ: Princeton.

Feiman-Nemser, S., & Buchman, M. (1985). "Pitfalls of Experience in Teacher Preparation". *Teacher College Record*. 87, 53-65.

Guillaume, A.M., & Rudney, G.L. (1993). "Student Teachers' Growth Toward Independence: An Analysis of Their Changing Concerns". *Teaching and Teacher's Education*, 9, 65-80.

Mohd Kamal Hassan (1988). *Pendidikan dan Pembangunan: Satu perspektif bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Noraini Hashim (1994). "A Study of the One Year Teacher Education Programme at the International Islamic University Malaysia". *Jurnal Pendidikan Islam*. 6, 171-192.

Rosnani Hashim (1997). "The Relevance and Effectiveness of the IIUM Diploma in Education Program". *An Unpublished Research Report*. Selangor:IIUM.

Jabatan Pendidikan UIAM (1996). *Programmes Hand Book 1996/9*. Gombak, Selangor: HassanLanggulung (1980). *Beberapa Pemikiran Tentang Pendidikan Islam*. Bandung: al-Maarif

"Recommendations of the Four World Conferences on Muslim Education". (1983). *Unpublished manuscript*. Makka Al Mukarrama: Umm Al-Qura University.

Reynolds, D., & Cuttance, P. (1992). *School effectiveness: Research, Policy, and Practice*. London: Cassell.

Saha, L.J. (1983). Social Structure and Teacher Effects on Academic Achievement: A Comparative Analysis. *Comparative Education Review*. 27, 68-88.

Robiah Sidin, Khalid Abdullah, Zahara Aziz, & Aminah Saleh (1995). Keberkesanan Kursus-kursus Asas Dalam Program Pendidikan Guru di Malaysia. Dalan Rashidi Azizan dan Abdulrahman MohdNoor (Eds.), *Pendidikan Guru* (pp. 61- 65). Kajang: Masa Enterprise.

Stemberg, R.J. (1995). *Beyond IQ: A triarchic theory of human intelligence*. Cambridge: Cambridge University Press.

Zeichner, K.M., & Gore, J.M. (1990). Teacher Socialization. In W.R. Houston (Ed.), *Handbook of Research on Teacher Education* (pp. 329-348). New York: Macmillan.

Zeichner, K.M., Tabachnick, B., Densmore, K. (1987). Individual, Institutional, and Cultural Influences on the Development of Teachers' Craft Knowledge. In J. Calderhead (Ed.), *Exploring teachers' thinking* (pp. 21-59). London: Cassell.

Khadijah Zon (1995). The Educational Aura at the IIU Campus at Gombak: A Visitor's View. *Pendidikan Ummah*, 1994/95. Selangor: Jabatan Pendidikan UIAM.

Oleh :

Awang Sariyan

*"Islamization of language education: a preliminary statement" is an article in which the author attempts to answer a pertinent question, ie, is there really an Islamic linguistic? From the outset the author opines that the basis for discussion should begin with the philosophical construct. One should not lose sight of the importance of the Islamic epistemology in dealing with Islamic linguistic, because the latter falls within the realms of Islamic epistemology. What makes Islamic linguistic different is that while the western approach emphasizes on the conventional aspects such as phonology, morphology, syntax, and semantics, Islamic linguistic focuses on the acculturative aspect, ie., the portrayal of cultural experience into the language usage. In short, from an Islamic perspective the language is not just a collection of simple symbolic sounds, rather it is an innate faculty endowed by the Creator; Allah Almighty to serve His purpose. For the academic consumption, the author has lucidly presented the modern time schools of thoughts in linguistic ranging from rationalists versus functionalists, traditionalists versus structuralists-behaviorists, structuralists-behaviorists versus mentalists-nativists, of course not without their protagonists.*

## 1. PENDAHULUAN

Dalam usaha mengisi gagasan yang ingin dikemukakan melalui tajuk kertas kerja ini, penulis tidak akan menyenggung hal-hal teknik yang berkaitan dengan bidang pendidikan bahasa. Maksudnya, yang menjadi tumpuan perhatian penulis bukan aspek kaedah dan teknik pengajaran bahasa yang tampaknya sering menjadi fokus pembicaraan para sarjana pendidikan bahasa. Yang sesungguhnya berkaitan dengan usaha pengislaman ilmu dan pendidikan ialah aspek falsafahnya kerana segala